

27 JUN 1998

Mahathir-KLIA

KLIA BOLEH BANTU PULIH EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) bukan satu pembaziran sebaliknya satu projek tepat pada masanya dan murah malah mungkin dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

"Jika kita tidak membuat keputusan membina lapangan terbang ini lama sebelum nilai ringgit merosot, kita mungkin perlu membayar dua kali ganda.

"Yang pasti, dengan keadaan ekonomi sekarang, kita langsung tidak akan dapat membinanya. Tetapi kita membuat keputusan tepat pada masanya, dan pada harga RM9 bilion, ia merupakan satu lapangan terbang utama paling murah," kata Dr Mahathir pada upacara perasmian lapangan terbang itu oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar malam ini. Upacara itu disiarkan secara langsung oleh TV1.

Perdana Menteri berkata masih ada pihak yang berpendapat KLIA satu daripada projek mega yang menyebabkan masalah ekonomi semasa.

Dr Mahathir berkata KLIA memang satu projek mega daripada segi saiz kawasannya seluas 10,000 hektar, tetapi daripada segi kos, ia amat murah berbanding lapangan terbang seumpamanya.

"Daripada segi kos, ia tidaklah mega. Sebaliknya, ia projek paling ekonomi di dunia. Ia bukan punca kemerosotan ekonomi kita, sebaliknya ia akan membantu memulihkannya," kata beliau.

Sebagai perbandingan, Perdana Menteri berkata lapangan terbang baru di Hong Kong berharga US\$9 bilion atau RM35 bilion, tidak termasuk jalan dan jambatan.

Beliau berkata pembukaan rasmi KLIA hari ini menandakan satu lagi langkah besar ke hadapan dalam sejarah penerbangan Malaysia, dan pada masa yang serba kekurangan kini, KLIA menawarkan kapasiti untuk pertumbuhan yang tidak terbatas kepada industri penerbangan di rantau Asia Pasifik.

Sesuatu kawasan tumpuan hanya akan berjaya jika ia mampu menawarkan rangkaian penerbangan sambungan yang luas, katanya.

"KLIA perlu mempromosikan dirinya dengan lebih yakin dan bersemangat untuk meluaskan lagi rangkaian penerbangan sambungan ini dan menentukan caj-caj lapangan terbang berada di tahap yang menarik," katanya.

Kerajaan akan berusaha menarik syarikat-syarikat penerbangan baru ke KLIA dan akan menggunakan insentif pelaburan sedia ada untuk menarik industri yang sesuai dan strategik ke kawasan sekelilingnya.

KLIA dijangka memberi peluang pekerjaan kepada 30,000 orang.

Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia tidak akan menyertai pihak asing yang tetap akan mencaci-cela lapangan terbang itu.

"KLIA adalah milik rakyat Malaysia dan kitalah yang akan menggunakannya lebih daripada orang lain. Gunakanlah KLIA dengan sebaik-baiknya.

"Tegurlah jika ada apa-apa yang tidak kena dan kita akan cuba memperbaikinya bersama," katanya.

Perdana Menteri berkata KLIA juga adalah bukti kebolehan rakyat Malaysia membina lapangan terbang bertaraf dunia dengan teknologi futuristik tanpa memusnahkan alam semula jadi.

"Rakyat Malaysia harus berbangga dengan pencapaian itu. Menyudahkan sesuatu projek yang amat besar seperti ini di dalam jangka waktu tidak sampai lima tahun adalah bukti kemampuan kita.

"Sepanjang ingatan saya, tidak ada mana-mana lapangan terbang yang sebesar ini dibina dalam waktu yang singkat dan peruntukan kewangan yang kecil," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang membanggakan mengenai KLIA ialah ia dibina

dengan pengurusan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Ia disiapkan dalam tempoh empat setengah tahun berdasarkan konsep "cepat siap" dan dikendalikan oleh KL International Airport Berhad (KLIAB), milik penuh kerajaan.

Dr Mahathir berkata bahawa pada asalnya kerajaan mahukan kontraktor utama dan pengurusan pembinaan dari luar negara setelah diberitahu bahawa lapangan terbang sebesar KLIA sukar dibina dan memerlukan pengurusan berkaliber tinggi.

"Tetapi akibat satu perkembangan, kita membuat keputusan untuk tidak menugaskan rakyat asing menguruskan pembinaan. Sebaliknya, kita melantik seorang jurutera biasa Kerja Raya yang tidak pernah membina projek seperti ini, untuk menguruskan pembinaannya," kata beliau.

Perdana Menteri mengucapkan syabas kepada semua jurutera, kontraktor, pengurus-pengurus pembinaan dan arkitek serta yang lain daripada kalangan rakyat Malaysia kerana sumbangan mereka membina lapangan terbang itu, yang melibatkan 25,000 pekerja kebanyakannya dari negara asing, dan beratus-ratus kontrak.

Beliau juga mengumumkan satu berita menggembirakan bagi Pengarah Urusan KLIAB Datuk Jamilus Hussein yang disifatkannya sebagai "orang paling bertanggungjawab menguruskan pembinaan projek amat sukar ini".

Perdana Menteri mengumumkan bahawa Jamilus, yang dipinjamkan daripada Jabatan Kerja Raya, dianugerahkan Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran "Tan Sri", sempena hari keputeraan ke 76 Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Dr Mahathir juga berkata kehijauan di sekeliling lapangan terbang itu hendaklah dikekalkan kerana jika pembangunan tanah simpanan lapangan terbang dan kawasannya tidak mengambil kira alam sekitar, ia akan menyebabkan kerosakan dan menghalang pertumbuhan lapangan terbang di masa hadapan.

"KLIA bukan sekadar satu lapangan terbang. Ia satu bentuk seni yang melambangkan kecantikan serta memberi tumpuan kepada alam sekeliling. Ia dikaitkan dengan kehijauan dan rimba Malaysia," katanya.

Tema KLIA "Lapangan Terbang Dalam Rimba dan Rimba Dalam Lapangan Terbang" akan menjadi lebih nyata apabila lanskapnya bertambah matang, kata beliau.

Dr Mahathir juga memberi pengiktirafan kepada arkitek Jepun Kisho Kurokawa yang mereka bentuk lapangan terbang itu.

"Reka bentuk lapangan terbang pada amnya adalah ilham beliau tetapi ia bercirikan Malaysia. Konsep reka bentuk kebanyakannya bercirikan Malaysia. Rekaan dalaman disesuaikan dengan cita rasa Malaysia, dibuat oleh rakyat Malaysia dan kebanyakannya dibuat di Malaysia," katanya.

Beliau juga berkata semasa pembinaan KLIA, banyak pengetahuan dan kemahiran telah diperolehi kerana teknologi canggih dari negara-negara maju telah diuji, diubah suai dan digunakan di mana perlu.

Mulai Selasa ini, KLIA akan menjadi pintu masuk utama ke Malaysia, mengambil alih dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Buat permulaannya, KLIA akan mengendalikan 25 juta penumpang setahun. Berdasarkan perancangan, ia mampu mengendalikan sehingga 100 juta penumpang setahun.

-- BERNAMA

ES MAI